Maklumat Berguna

Wad Pesakit Dalam Pediatrik/Unit Rawatan Intensif Pediatrik (PICU) Wad 46A
Lokasi: 1 Main Building, Tingkat 4
Tel: (65) 6772 5207/5459

Wad 47
Lokasi: 1 Main Building, Tingkat 4
Tel: (65) 6772 3470/5470

Pusat Khidmat Pesakit 4A
Lokasi: 1 Main Building, Tingkat 4
Tel: (65) 6772 4681
Masa Operasi: Isnin hingga Jumaat 8 pagi – 8 malam
Hujung Minggu & Cuti Umum 9 pagi - 6 petang

Jabatan Perubatan Pemulihan
Lokasi: 1 Main Building, Tingkat 1
Tel: (65) 6772 5168
Masa Operasi: Isnin hingga Jumaat: 8 pagi – 5 petang
Sabtu: 8 pagi – 12 tengah hari
Ditutup pada Hari Ahad & Cuti Umum

RONALD McDONALD HOUSE™ (RMH) DI HOSPITAL UNIVERSITI NASIONAL (NUH)

RONALD McDONALD HOUSE™ (RMH) di Hospital Universiti Nasional adalah sebuah rumah keluarga sementara bagi keluarga yang mempunyai anak yang sakit dan yang sedang dirawat di NUH. Kami faham ibu bapa ingin berada di sisi anak mereka semasa mereka di hospital. Oleh itu, RMH menawarkan persekitaran seperti rumah di mana ibu bapa boleh menenangkan hati daripada kebimbangan dan tekanan semasa berada di wad. Para doktor, jururawat dan staf hospital sentiasa sedia untuk menjaga anak anda dengan baik dan RMH disediakan untuk keselesaan dan ketenangan anda.

Laman Web: www.RMHC.org.sg
Tel: (65) 6778 1934
Lokasi: **NUH Main Building Tingkat 4**

Lokasi

NUH National University Hospital

Hospital Universiti Nasional
5 Lower Kent Ridge Road, Singapore 119074
Tel: 6779 5555 Fax: 6779 5678 Tapak web: www.nuh.com.sg

Maklumat Hubungan

Pusat Jantung Universiti Nasional, Singapura
1 Main Building.
Masa Operasi: 8.30 pagi – 6.00 petang (Isnin – Jumaat)
Tutup pada hujung minggu & hari cuti umum
Tapak web: **www.nuhcs.com.sg**

Panduan ke NUH

Stesen MRT Kent Ridge Circle Line
Penumpang boleh menukar keretapi di Pusat Tukaran MRT Buona Vista dan berhenti di Stesen Kent Ridge iaitu dua stesen selepas Stesen Buona Vista. Stesen tersebut mempunyai tiga pintu masuk dan keluar.
Pintu Keluar A: Di pintu masuk Pusat Jantung Universiti Nasional, Singapura.
Pintu Keluar B: Di South Buona Vista Road, yang dihubungkan dengan Singapore Science Park 1.
Pintu Keluar C: Menuju ke Pusat Perubatan NUH.

Maklumat di dalam brosur ini hanya sebagai panduan dan bukan untuk menggantikan nasihat perubatan daripada doktor anda. Sila dapatkan nasihat doktor anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pembedahan, keadaan kesihatan atau perubatan anda. Maklumat adalah tepat pada masa cetak (Mei 2014) dan tertakluk kepada semakan tanpa notis.

NUHCS The Heart Fund

Setiap hari, kami menyelamatkan nyawa dengan menyediakan bantuan kewangan untuk pesakit-pesakit yang memerlukan, pembiayaan untuk penyelidikan yang terkini dan latihan untuk pakar-pakar perubatan kami. Inilah sebabnya mengapa sokongan yang kami terima adalah sangat penting.

Sumbangan anda membantu kami meneruskan perjuangan untuk setiap denyutan jantung!

Untuk maklumat lanjut, lungsuri
www.nuhcs.com.sg/about-us/make-a-gift.html

National University Heart Centre, Singapore
A member of the NUHS

Pembedahan Kardium Pediatrik
Paediatric Cardiac Surgery

Tontoni video pendidikan pesakit di Halaman YouTube NUHCS

Langkah 1:
Muat turun Pembaca QR PERCUMA pada telefon pintar anda dan imbas kod QR.

Langkah 2:
Kod QR akan dinyahkod dengan serta-merta. Anda akan dibawa ke www.youtube.com/user/NUHCS

Imbas kod QR

Bagaimana Jantung Normal Berfungsi?

Jantung yang normal mempunyai empat ruang. Darah beredar ke seluruh tubuh dan kembali ke jantung di ruang kanan atas (atrium kanan). Ia melalui injap trikuspid untuk ke ruang kanan bawah (ventrikel). Kemudian, melalui injap pulmonari untuk ke arteri pulmonari, iaitu pembuluh yang membekalkan darah ke paru-paru. Darah dibekalkan oksigen di paru-paru dan kembali ke atrium kiri (ruang kiri atas) melalui urat pulmonari. Ia melalui injap mitral ke ruang kiri bawah (ventrikel) dan kemudian darah akan dipam keluar daripada injap aorta ke aorta, membekalkan tubuh dengan darah beroksigen.



Kecacatan Jantung Kongenital

Kecacatan jantung kongenital ialah kecacatan bentuk jantung yang wujud sejak lahir. Kecacatan jantung kongenital mengubah aliran darah biasa melalui jantung. Terdapat banyak jenis kecacatan jantung kongenital. Di antaranya kecacatan kecil yang tidak ada gejala sehingga kecacatan kompleks dengan gejala teruk dan mengancam nyawa yang perlu dibetulkan melalui pembedahan. Kadangkala, pembaikan kecacatan itu perlu dilakukan secara bertahap. Ia mungkin melibatkan memasang alat pintas sementara untuk memesongkan aliran darah supaya anak anda boleh membesar dengan lebih kuat dan sihat sebelum menjalani pembedahan yang definitif.

Kecacatan jantung yang dibaiki semasa pembedahan boleh dikumpulkan dalam dua kategori:

a) **Pembedahan jantung terbuka:** jantung perlu dibuka untuk dibedah dan mesin pintas kardiopulmonari (jantung paru-paru) digunakan untuk membekalkan oksigen dan pengedaran darah.

b) **Pembedahan jantung tertutup:** mesin pintas kardiopulmonari tidak digunakan dan insisi kecil dibuat (rongga dada tidak perlu dibuka untuk pembedahan).



Faedah intervensi pembedahan melebihi risikonya. Risiko utamanya ialah kematian, kecacatan neurologi, aritmia, ginjal tidak berfungsi, pendarahan dan jangkitan. Pakar bedah akan membincangkan kemungkinan risiko dan faedah pembedahan.

Apa yang berlaku sebelum pembedahan?

- Selepas pakar kardiologi membuat diagnosis, pakar bedah kardium akan membincangkan perancangan dan aturan untuk pembedahan.
- Ujian darah dan diagnostik rutin akan dilakukan di klinik dua minggu sebelum pembedahan.
- Pesakit biasanya dimasukkan ke hospital satu hari sebelum pembedahan.
- Jururawat Kardiologi Pediatrik akan bertemu anda di wad untuk membantu proses pendaftaran dan membawa anda melihat di sekitar Unit Rawatan Intensif Pediatrik (PICU).

Apa yang berlaku semasa pembedahan?

Ibu bapa boleh menemani anak-anak ke Bilik Bedah (OT). Anak anda akan ditidurkan dengan suntikan anestetik yang disuntik oleh pakar anestesia pediatrik. Ibu bapa perlu meninggalkan Bilik Bedah sebaik sahaja anak tidur. Pakar anestesia akan memasukan tiub pernafasan dan beberapa jenis drip. Tempoh pembedahan bergantung kepada kesukaran pembedahan tersebut.

Apa yang berlaku selepas pembedahan?

Anak anda akan dipindahkan dari Bilik Bedah (OT) ke Unit Rawatan Intensif Pediatrik (PICU). Anak anda akan diberikan sedatif dan diberi bantuan alat ventilator. Rawatan selepas pembedahan termasuk pemantauan kardium, rawatan cecair intravena, saliran dada dan wayar perentak, rawatan luka dan fisioterapi. Ibu bapa dibenarkan untuk melawat anak semasa waktu lawatan kecuali semasa doktor membuat pemeriksaan wad. Jururawat bertugas akan memberitahu anda bila pemeriksaan doktor di wad akan bermula. Sebelum masuk ke PICU, tangan anda perlu dibersihkan menggunakan cecair antiseptik yang disediakan dan anda perlu memakai pelitup muka jika tidak sihat. Hanya dua orang pelawat dibenarkan pada satu-satu masa. Anak kecil di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan untuk masuk ke wad.

Pemindahan ke wad ialah langkah positif dalam pemulihan anak anda. Ibu bapa hendaklah faham bahawa keadaan berbeza apabila anak anda dipindahkan dari ICU. Oleh kerana anak anda semakin stabil, pemantauan akan dikurangkan. Anda tidak perlu bimbang kerana rawatan yang diberikan kepada anak anda tidak akan terjejas.

Soalan-soalan Lazim

Bagaimana boleh saya sediakan anak saya untuk rawatan di hospital?

Anak-anak mesti diberitahu bahawa mereka akan tinggal di hospital dan hanya boleh pulang selepas pembedahan dengan syarat mereka telah sembuh sepenuhnya. Anda dinasihatkan untuk menyediakan anak anda untuk berada di hospital dan menjawab soalan mereka dengan sejujurnya mengikut kemampuan pemahamannya dan penerimaannya terhadap maklumat yang anda sampaikan. Anda mungkin ingin membawa mainan kegemaran anak anda untuk menemaninya di hospital.

Berapa lama perlu berada di hospital?

Ini bergantung kepada jenis dan keperluan pembedahan. Anak-anak yang menjalani pembedahan kardium biasanya tinggal di hospital kira-kira seminggu. Tetapi, bayi dan anak kecil mungkin perlu tempoh lebih lama.

Adakah anak saya akan kesakitan selepas pembedahan?

Ada kemungkinan anak anda akan mengalami kesakitan selepas pembedahan. Namun, ia boleh dikawal dengan ubat penahan sakit. Anak anda akan diberikan ubat penahan sakit dan sedasi ringan sejurus selepas pembedahan dan akan diberhentikan beransur-ansur mengikut keperluan.

Apakah anggaran kos pembedahan?

Kosnya bergantung kepada jenis pembedahan dan tempoh berada di hospital. Anda boleh bertanya kepada Jururawat Kardiologi Pediatrik kami yang ramah untuk maklumat lanjut atau Pekerja Sosial Perubatan kami untuk bantuan kewangan.

Bilakah anak saya boleh menyambung kegiatan biasanya?

Kebanyakan kanak-kanak boleh kembali kepada kegiatan biasa mereka, termasuk kembali ke sekolah, dalam tempoh 3-4 minggu selepas pembedahan.

Apakah yang perlu saya tahu mengenai imunisasi anak saya?

Semua imunisasi dan vaksinasi hendaklah dilakukan seperti biasa.